

# KECOOH — UMNO BERTINDAK

KUALA LUMPUR, Kato — Perhubungan UMNO Negeri-negeri gharah mengambill langkah-langkah positif supaya kekecohan tidak berlaku semasa mesyuarat perwakilan Bahagian diadakan.

Setiausaha Agung UMNO Senator Datuk Haji Mustafa Jabar memberitahu, arahan yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mansah dan Datuk Mewa Hilmi dihantar ke Perhubungan UMNO Negeri-negeri supaya per-istiwa yang berlaku di Rantau Panjang tidak berulang lagi.

Katanya, Per-

hubungan UMNO Negeri mesti menghantar wakil mereka menghadiri mesyuarat perwakilan Bahagian supaya apa yang berlaku dapat dilaporkan kepada Perhubungan.

## Laporan

"Langkah ini perlu bagi memastikan sebarang kekecohan yang timbul dapat diselesaikan dengan cara yang boleh diterima oleh kedua pihak yang terlibat."

Katanya, Perhubungan Negeri hendaklah membuktikan kemampuan mereka mengendalikan mesyuarat Bahagian masing-

masing.

"Sebarang kekecohan yang timbul hendaklah diselesaikan sendiri tanpa dirujuk kepada Ibupejabat UMNO.

"Jika mereka tidak berkemampuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul, mereka boleh merujukannya kepada Ibupejabat UMNO," ujar beliau.

Mengenai mesyuarat cawangan-cawangan pula, Bahagian-Bahagian hendaklah menghantar wakil masing-masing.

Senator Datuk Haji Mustafa menerangkan, Ibupejabat tidak menerima sebarang laporan mengenai per-

istiwa di Rantau Panjang.

Katanya, Perhubungan UMNO Negeri Kelantan sedang cuba menyelesaikan masalah itu diperingkat Perhubungan UMNO sahaja tanpa campurtangan dari Ibupejabat.

"Saya telah menghubungi Setiausaha Perhubungan Negeri, Datuk Haji Mohamad bin Haji Ali semalam dan dia menyatakan kesediaan pihak Perhubungan Negeri menyelesaikannya sendiri."

Pemimpin UMNO itu yakin peristiwa yang berlaku di Kelantan tidak akan berulang lagi memandangkan setiap Perhubungan UMNO Negeri kini lebih berhati-hati.

Menurutnya, setiap Perhubungan Negeri sudah tentu mempunyai strategi mereka sendiri untuk memastikan tidak ada kekecohan berlaku dalam mesyuarat perwakilan parti.